

SYARAT-SYARAT UJIBAKAT GRAND BRILLIANCE

- Penyertaan terbuka kepada peserta lelaki dan wanita
- Berstatus bujang atau sudah berkahwin
- Berumur 1 – 55 tahun
- Fasih berbahasa Malaysia atau bahasa kedua
- Tidak mempunyai rekod jenayah atau penyalahgunaan dadah
- Semua hak-hak rakaman semasa sesi ujibakat dan sebarang penyiaran adalah hakmilik GB

PROSEDUR UJIBAKAT

- Sila bawa bersama profil diri yang lengkap (biodata, pengalaman berlakon, kebolehan atau skil yang lain – jika ada)
- Sertakan satu (1) salinan Kad Pengenalan diri atau Pasport
- Sertakan dua (2) keping gambar berukuran Pasport dan dua (2) gambar profil 4R yang tidak akan dikembalikan
- Sila muat turun borang ujibakat di laman sosial Facebook Grand Brilliance (www.facebook.com/grandbrilliance) dan bawa bersama borang tersebut ketika sesi ujibakat
- Sila laporkan diri di rumah pengawal bagi pengambilan Pas Pelawat
- Sila mendaftar di kaunter pendaftaran “Sesi Ujibakat Grand Brilliance 2014”
- Kaunter pendaftaran dibuka dari jam 9:30 am – 4:00 pm, mengikut pertimbangan pihak GB
- Dua sesi akan diadakan iaitu sesi saringan dan sesi akhir – mereka yang melepasi sesi saringan akan layak ke sesi akhir

PERATURAN SEMASA UJIBAKAT

- Peserta dikehendaki berpakaian sopan, kemas dan bersesuaian
- Hanya peserta sahaja yang dibenarkan masuk ke Sri Pentas dan bagi peserta yang berumur dibawah 12 tahun, hanya seorang penjaga sahaja dibenarkan masuk bersama
- Peserta hanya dibenarkan berada di kawasan yang telah ditetapkan
- Sila letak kenderaan anda di kawasan letak kereta One Utama sahaja
- Kantin dibuka untuk kemudahan makan dan minum
- Sri Pentas adalah kawasan larangan merokok
- Pihak kami tidak akan bertanggungjawab di atas kemalangan, kecederaan atau sebarang insiden yang tidak diingini sepanjang proses ujibakat ini berlangsung
- Pihak kami mempunyai hak untuk membatalkan dan menolak sebarang permohonan jika didapati maklumat yang diberikan oleh peserta adalah palsu dan tidak lengkap
- Pihak kami mempunyai hak untuk meminda sebarang syarat yang ditetapkan atas budi bicara dan situasi